

Memperkukuh kekuatan jiwa dan kerohanian wanita

PEMATUHAN kepada ajaran Islam mampu membentuk peribadi mulia dalam diri seorang wanita. - Gambar hiasan



AN-NUR

Bersama PROF. MADYA DR. FARIZA MD. SHAM
Timbalan Pengerusi Eksekutif 2
Pusat Strategi UKM dan Felo Penyelidik Institut Islam Hadhari UKM



SOALAN

SETIAP tahun kita meraikan Hari Wanita Sedunia dengan melakukan pelbagai program dan aktiviti. Bolehkah Dr. Fariza jelaskan, bagaimana wanita seharusnya menghayati sambutan itu dalam konteks membina kekuatan jiwa untuk mengimbangi kehidupan antara kerjaya dan rumah tangga serta antara keperluan dunia dan akhirat.

JAWAPAN

PADA tarikh 8 Mac setiap tahun, wanita meraikan hari yang penuh bermakna bagi mereka iaitu Hari Wanita Sedunia. Pelbagai bentuk program dan aktiviti dilakukan bagi memperkasakan wanita dalam pelbagai bidang kehidupan.

Merujuk kepada pelbagai kejayaan yang dicapai wanita dalam bidang pendidikan, ekonomi, keusahawanan dan kerjaya profesional membuktikan bahawa wanita mempunyai keupayaan untuk



GOLONGAN wanita harus bijak menyeimbangkan hidup antara tuntutan kerjaya dan rumah tangga. - Gambar hiasan

mengorak langkah seiring dengan golongan lelaki.

Kejayaan mengintegrasikan sepenuhnya wanita dalam pembangunan negara bukan satu jalan yang mudah. Golongan wanita telah berusaha gigih dan membina kekuatan jiwa dalam mencapai kejayaan itu.

Pelbagai medan perjuangan wanita dalam menuntut haknya sehingga wujud Dasar Wanita Negara bagi mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan pelbagai lagi pertubuhan serta deklarasi yang diwujudkan bagi menyuarakan pandangan serta hala tuju wanita.

Begitupun, usaha itu kurang berjaya sekiranya

wanita tidak dididik dan dibimbing daripada aspek membina kekuatan jiwa dan spiritual mereka.

Dalam konteks dunia hari ini yang penuh dengan cabaran sosial, wanita harus bijak menyeimbangkan hidup antara tuntutan kerjaya dan rumah tangga serta keperluan dunia serta akhirat.

Menjadi benteng

Salah satu pendekatan itu ialah memperkuatkan aspek kejiwaan dan spiritual atau kerohanian. Kehidupan yang berteraskan pematuhan kepada ajaran agama berupaya menjadi benteng untuk wanita lebih kuat jiwanya dalam menjalani kehidupan yang penuh dugaan.

Pematuhan kepada ajaran agama juga boleh membentuk peribadi yang mulia sebagai seorang wanita. Antara sifat keperibadian yang baik bagi wanita ialah menjaga

lidahnya, bersabar dalam menghadapi *mehnah* (ujian) hidup, bersyukur dengan anugerah Allah, mentaati perintah Allah dan menjadi isteri yang baik untuk suaminya.

Jadikanlah isteri Rasulullah SAW dan wanita solehah pada zaman sahabat sebagai panduan dalam membentuk keperibadian wanita.

Wanita pada hari ini diberi peluang pendidikan yang seluasnya. Oleh itu, dari segi keupayaan akal, tidak diragukan. Kekuatan akal semata-mata tidak mencukupi untuk wanita mencapai kejayaan hakiki.

Wanita harus mempunyai kekuatan jiwa dan spiritual serta keseimbangan emosi agar dapat melaksanakan pelbagai tanggungjawab dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

Sekiranya wanita berjaya memperkukuhkan kekuatan jiwa dan kerohaniannya, maka mereka dapat menyeimbangkan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga dan kerjaya serta keperluan dunia dan akhirat.

Hal ini kerana peribadi yang baik dan kekuatan jiwa adalah hasil hubungan baik dengan Allah serta sesama manusia.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 45 yang bermaksud:

"Dan minta pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk."

Islam sangat memuliakan wanita kerana golongan itu dianugerahkan akal dan jiwa yang sangat halus serta lembut tetapi kemuliaan tersebut akan hilang sekiranya kaum Hawa tidak menjaga keperibadian dan akhlak serta tidak mematuhi ajaran agama mereka.



Golongan wanita kerana mereka yang sangat halus serta lembut.